# Memperbetul kekeliruan mengenai pembahagian harta pusaka

Permintaan yang meningkat bagi nasihat pengagihan harta pusaka secara Islam telah mendorong para asatizah untuk menyediakan khidmat ini secara formal. Apakah dan mengapakah khidmat itu disediakan? Laporan **NORHAIZA HASHIM**

*(norhaiza@sph.com.sg)*

PERSATUAN Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas) telah mengorak langkah untuk menggabungkan asatizahnya bagi menyediakan khidmat nasihat mengenai pengurusan harta pusaka secara Islam.

Ideanya cetusan Presiden Pergas, Ustaz Mohamad Hasbi Hassan, sendiri, yang merasakan perlunya Pergas memainkan peranan mendidik masyarakat mengenai ilmu faraid kerana banyak kekeliruan dan salah tanggapan timbul berkenaan dengannya.

Sebuah Unit Konsultansi Kewangan Islam (UKKI) telah dibentuk bagi tujuan itu yang dipengerusikan oleh Ustazah Harinah Abdul Latiff.

Bagi menyediakan khidmat menyeluruh, Pergas akan juga bekerjasama dengan beberapa orang peguam bagi mendapatkan kepakaran mereka dalam undang-undang sivil dan melakarkan dokumen dari sudut guaman.

"Ramai anggota masyarakat kita



**Ustazah Harinah:** Pengerusi Unit Konsultansi Kewangan Islam (UKKI) yang dibentuk untuk mendidik masyarakat mengenai ilmu faraid.

yang kenal dengan faraid sahaja sedangkan dalam Islam, terdapat wadah-wadah lain yang disediakan yang boleh digunakan. Wadah seperti *hibah ruqba* memang ada di dalam kitab-kitab fiqh. *Nuzriah* juga ada walaupun tidak ada kata sepakat di kalangan ulama. Perkara ini yang harus kita dedahkan kepada masyarakat," jelas Ustaz Hasbi, dalam temu ramah dengan *Ekoniaga* baru-baru ini.

Tahun ini sahaja, Ustazah Harinah berkata Pergas sudah pun membantu tujuh kes, yang kebanyakannya melibatkan individu yang masih hidup yang ingin membuat dokumen seperti *hibah ruqba* atau *nuzriah* bagi anggota keluarga yang masih hidup.

"Masyarakat kita sudah sedar perlunya dokumen seperti ini kerana banyak berita dalam akhbar mengenai isteri dan anak-anak yang terabai. Dari cerita-cerita ini, mereka lihat perlunya membuat persediaan semasa hidup," jelas Ustazah Harinah.

Tambahnya, jika suami berhajat memberikan, misalnya, wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF) kepada isteri, beliau perlu melafazkan akad dan isteri pula menerimanya.

Sebelum ini, Pergas juga telah membantu satu kes melibatkan seorang nenek yang telah meninggal dunia yang memberikan sebuah hartanah kedai kepada seorang cicitnya sehingga menimbulkan rasa kurang senang di kalangan anggota keluarga yang lain.

"Setelah mendapat nasihat Pergas, anak-anaknya bersetuju untuk tidak mempertikaikan pemberian nenek itu kepada cicitnya," jelasnya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Eksekutif Pergas, Encik Hajah Mohaideen Kamal Batcha berkata setiap pelanggan yang menemui Pergas untuk mendapat khidmat nasihat akan ditanya mengenai niat dan latar belakang keluarga mereka.

"Jika niat mereka tidak betul dan langkah mereka itu dibuat untuk menzalimi orang lain, kita perlu berikan nasihat. Kita juga ingin memastikan mereka tidak mempunyai unsur-unsur hendak menyembunyikan maklumat keluarga mereka kepada kami," tambah Encik Hajah Mohaideen.

Bergantung pada keperluan pelanggan, Pergas boleh menyediakan khidmat nasihat dari sudut Syariah sahaja tetapi jika pelanggan inginkan khidmat melibatkan peguam, khidmat itu juga boleh disedikan.

Bayaran $150 dikenakan bagi runding cara sebanyak dua kali. Jika ia melibatkan peguam, bayaran bermula $300 ke atas dikenakan.

Untuk mendapatkan khidmat Pergas, boleh hubungi Pergas di 6346-9350 atau e-mel ukki@pergas.-org.sg.

## PENGURUSAN UKKI, PERGAS

**1. Penasihat/Presiden Pergas**
Ustaz Mohd Hasbi Hassan

**2. Pengerusi/Perundingcara**
Ustazah Harinah Abdul Latiff

**Perundingcara**
3. Ustaz Ahmad Shamsuddin Ahmad
4. Ustaz Mohd Ramzi Salleh
5. Ustaz Feirul Maliq Intajalle
6. Ustazah Zarina Begum Abdul Razak

**Kakitangan Sepenuh masa Penolong Pengarah Eksekutif**
Encik Hajah Mohaideen Kamal Batcha

**Ketua Jabatan**
Ustazah Nazrana Haniff

**Kakitangan**
Ustaz Muhammad Daud Mohd Zainordin

## PENGURUSAN HARTA PUSAKA ISLAM

**Harta warisan:** Harta peninggalan orang yang telah meninggal dunia dan menjadi hak mutlak ahli warisnya untuk diagihkan di kalangan mereka yang berhak.

**Faraid:** Pembahagian harta pusaka secara Islam seperti yang tercatat secara terperinci dan jelas dalam Al-Quran.

**Wasiat:** Pesanan yang dibuat oleh seseorang tentang apa-apa yang berkaitan dengan hartanya bagi tujuan dilaksanakan oleh warisnya selepas kematian. Had maksimum yang boleh diberikan ialah satu pertiga daripada harta pusaka itu dan ditujukan kepada bukan waris.

**Hibah:** Hadiah yang melibatkan suatu akad yang mengandungi pemberian hak milik oleh pemilik harta kepada seseorang secara rela hati semasa hayatnya atas dasar kasih sayang dan kemanusian tanpa mengharapkan balasan.

**Hibah Ruqba:** Salah satu daripada bentuk hibah. Ia dilakukan apabila si pemberi menyatakan: "Harta ini adalah milik kami sebagai ruqba, dengan cara sekiranya kau mati sebelumku harta itu dikembalikan kepadaku dan sekiranya, aku mati sebelummu, harta itu milik kamu".
Hadis yang membenarkan ruqba diriwayatkan oleh Jabir *ra* bahawa Rasulullah *saw* bersabda: *"Umra dibenarkan untuk pemiliknya, begitu juga ruqba dibenarkan untuk pemiliknya."*

**Nuzriah:** Membuat sesuatu nazar bagi mengkhususkan harta seseorang bagi tujuan kebajikan mahupun hadiah. Nuzriah boleh melebihi satu pertiga harta beliau dan boleh diberikan kepada ahli waris.
Allah *swt* berfirman: *"Mereka dikurniakan kesenangan itu kerana mereka menyempurnakan nazarnya (apatah lagi yang diwajibkan Tuhan kepadanya), serta mereka takut hari akhirat yang azab seksanya merebak di sana sini."* (Surah Al-Insan, ayat 7).

**Sumber: Risalah Pengurusan Harta Pusaka Islam Pergas**

## Pergas akan pergiat usaha mendidik tingkat kesedaran

PERSATUAN Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas) akan mempergiatkan usaha pendidikan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pengagihan harta pusaka.

Satu seminar sedang dirancangkan hasil usaha sama Pergas dengan Persatuan Peguam-Peguam Islam pada awal November ini, yang akan menggabungkan pandangan dan nasihat mengenai pengagihan harta pusaka dari sudut Islam dan sivil.

"Sebelum ini, kami sudah pun menjemput pakar-pakar dari luar negara yang menganjurkan ceramah bagi asatizah agar kita dapat sama-sama mendidik masyarakat secara jelas mengenai isu ini.

"Bagi masyarakat juga, kami mengadakan ceramah dari masa ke masa. Baru-baru ini, salah seorang perundingcara kami, Ustaz Ahmad Shamsuddin Ahmad, juga mengadakan ceramah di Masjid Al-Mukminin selama sebulan.

"Kami menyedari pentingnya meningkatkan usaha pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang ramai mengenai ilmu faraid. Kami sedang dalam perancangan bagi menganjurkan sebuah lagi seminar awal November ini," kata t Penolong Pengarah Eksekutif Pergas, Encik Hajah Mohaideen Kamal Batcha.

Selain itu, Pergas sudah pun menerbitkan sebuah risalah bertajuk *Pengurusan Harta Pusaka Islam* yang menjelaskan, antara lain, takrif harta pusaka, pemahaman mengenai faraid, pengertian wasiat, *hibah ruqba* dan *nuzriah* serta dalil dan hukun-hukumnya.

Risalah-risalah itu telah diedarkan di masjid-masjid dua bulan lalu.

"Kami telah mencetak 1,000 risalah dan sambutannya begitu hangat sehingga semuanya habis. Masjid-masjid meminta kami mencetak lagi dan kami mencetak lagi 5,000 risalah," jelas Encik Hajah Mohaideen.




**GABUNG KEPAKARAN:** *(Dari kiri)* Ustaz Mustazah Bahari, Ustaz Firdaus Yahya dan Ustaz Syed Mustafa Alsagoff bersama-sama membentuk Syariah Consultancy Education & Training. **– Foto M.O. SALLEH**

## Tiga asatizah tubuh firma beri nasihat profesional

SEMASA memberikan ceramah-ceramah dakwah, nasihat mereka kerap diminta oleh individu-individu yang ingin nasihat mengenai pengagihan harta mengikut Islam.

Melihat permintaan yang semakin meningkat bagi nasihat serupa itu, tiga asatizah – Ustaz Firdaus Yahya, Ustaz Syed Mustafa Alsagoff dan Ustaz Mustazah Bahari – membentuk sebuah firma, Syariah Consultancy Education & Training, yang membolehkan mereka memberikan nasihat tersebut secara profesional.

Yang menarik mengenai khidmat itu ialah ketiga-tiga asatizah tersebut akan pergi ke rumah-rumah pelanggan untuk memberi nasihat dan pandangan dalam keselesaan rumah pelanggan itu sendiri.

Ini juga dapat memastikan agar semua waris yang terlibat akan dapat bersama-sama mendengar nasihat tersebut.

"Apabila kami mengajar, kami melihat ramai pelajar yang meminta nasihat kami secara individu mengenai pengagihan harta secara Islam.

"Kami melihat ada keperluan menjawab soalan mereka itu secara profesional kerana ada kalanya interpretasi yang mereka dapatkan hasil nasihat kami tidak sama dengan apa yang ingin kami sampaikan. Jadi, kami lihat perlunya kami menyediakan khidmat itu secara rasmi dan formal," jelas Ustaz Syed Mustafa ketika ditemui baru-baru ini.

Ditanya jika permintaan bagi khidmat itu akan bertambah, beliau akur bahawa dengan masyarakat Islam yang semakin berkemampuan dan mempunyai harta yang pelbagai seperti wang daripada Tabung Simpanan Pekerja (CPF), rumah, insurans dan sebagainya, isu pengagihan harta ini menjadi semakin penting, apatah lagi masalah itu sering menjejas hubungan keluarga.

Malah, sejak menulis buku bertajuk *Huraian Ilmu Faraid*, yang diterbitkan pada 2003, Ustaz Firdaus sendiri banyak menerima pertanyaan sama ada isu berhubung cara pengagihan harta bagi rumah pemilikan bersama dan pengagihan wang CPF.

Baru-baru ini, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) mengeluarkan fatwa yang membolehkan pemegang Muslim akaun CPF membuat penamaan atau pencalonan bagi wang CPF mereka dan penamaan itu dikira sebagai *hibah* (hadiah) beliau kepada orang yang dicalon itu.

Dengan ini, orang yang dicalonkan itu tidak lagi perlu membahagikan wang tersebut mengikut faraid.

> Apabila kami mengajar, kami melihat ramai pelajar yang meminta nasihat kami secara individu mengenai pengagihan harta secara Islam. Kami melihat ada keperluan menjawab soalan mereka itu secara profesional kerana ada kalanya interpretasi yang mereka dapatkan hasil nasihat kami tidak sama dengan apa yang ingin kami sampaikan. Jadi, kami lihat perlunya kami menyediakan khidmat itu secara rasmi dan formal.
>
> **– Ustaz Syed Mustafa Alsagoff, yang bersama-sama Ustaz Firdaus Yahya dan Ustaz Mustazah Bahari, membentuk firma Syariah Consultancy Education & Training.**

> Kami hendak jelaskan di sini bahawa faraid adalah tunggak dalam pengagihan harta pusaka. Ia merupakan satu perintah Allah. Tetapi, jika terdapat keperluan seperti dalam kes-kes tertentu, instrumen lain seperti hibah dan nuzriah juga boleh digunakan. Namun, ia perlu ada landasan dan sebab. Kami perlu berikan kesedaran bila dan mengapa ia dibenarkan. Apa yang Allah halalkan kami tidak boleh haramkan.
>
> **– Ustaz Firdaus Yahya.**

> Selain kadar bayaran yang berpatutan, kami juga akan menyalurkan 10 peratus keuntungan syarikat ini setiap bulan kepada Sekolah Ugama Radin Mas sebagai usaha kami menyokong usaha dakwah organisasi Islam lain.
>
> **– Ustaz Mustazah Bahari.**

Pemegang akaun yang memilih untuk mengagih wang CPF mereka mengikut faraid pula tidak perlu membuat sebarang pencalonan atau meninggalkan pesanan kepada pencalon tersebut agar membahagikannya mengikut faraid.

Sebelum perubahan fatwa itu, penama merupakan pengamanah yang perlu mengagihkan wang CPF itu mengikut faraid.

"Kami hendak jelaskan di sini bahawa faraid adalah tunggak dalam pengagihan harta pusaka. Ia merupakan satu perintah Allah.

"Tetapi, jika terdapat keperluan seperti dalam kes-kes tertentu, instrumen lain seperti *hibah* dan *nuzriah* juga boleh digunakan.

"Namun, ia perlu ada landasan dan sebab. Kami perlu berikan kesedaran bila dan mengapa ia dibenarkan. Apa yang Allah halalkan kami tidak boleh haramkan," tegas Ustaz Firdaus.

Ditanya apakah "keperluan" itu, beliau berkata jika misalnya si suami merasakan isterinya akan dizalimi setelah kematian beliau dan anggota keluarganya akan merebut hartanya sehingga kebajikan isterinya tidak dijaga, lantas wajarlah beliau membuat *hibah* atau *nuzriah* untuk isterinya.

Ustaz Syed Mustafa pula berkata bahawa mereka juga harus menekankan pentingnya hak dan tanggungjawab yang dipikul setiap individu yang mendapat harta pusaka itu.

"Ini penting kerana ada kalanya anggota keluarga lebih melihat kepada hak faraid tetapi tidak tahu tanggungjawab yang mereka pikul," jelasnya.

Misalnya, isteri yang mendapat harta pusaka peninggalan suami perlu tahu tanggungjawabnya untuk membantu ibu bapa mentua yang masih hidup ataupun adik beradik yang mendapat harta faraid abangnya yang sudah meninggal dunia harus juga membantu isteri abangnya.

Menurut Ustaz Firdaus, nasihat-nasihat yang betul harus diberi kepada setiap anggota keluarga agar mereka benar-benar faham mengenai pembahagian harta itu.

"Oleh kerana itulah, kami rasakan lebih baik untuk kami melawat rumah pelanggan kami agar kami dapat memberi penerangan kepada semua anggota keluarga agar mereka jelas duduk perkara.

"Kami juga ingin mereka merancang awal agar perkara yang tidak diingini tidak berlaku selepas kematian anggota keluarga mereka. Ini merupakan satu dakwah yang kami lakukan," jelas beliau.

Bayaran $75 dikenakan bagi runding cara selama sejam yang pertama dan $50 bagi sejam selanjutnya.

Jika dokumen seperti *nuzriah* diperlukan, bayaran sebanyak $150 dikenakan.

Ustaz Mustazah menerangkan bahawa kadar bayaran tersebut sejajar dengan matlamat dakwah syarikat tersebut.

"Selain kadar bayaran yang berpatutan, kami juga akan menyalurkan 10 peratus keuntungan syarikat ini setiap bulan kepada Sekolah Ugama Radin Mas sebagai usaha kami menyokong usaha dakwah organisasi Islam lain," ujarnya.

Buat masa ini, Syariah Consultancy tidak bekerja sama dengan peguam bagi membuat dokumen itu kerana mahu memastikan yuran yang dikenakan rendah dan boleh dimampui oleh masyarakat umum.

Namun, dokumen yang disiapkan telah terlebih dahulu mendapat pengesahan daripada peguam penasihat.

Selain khidmat nasihat harta pusaka, syarikat itu menyediakan khidmat pengiraan zakat, kewangan Islam dan khidmat pendidikan Islam.

Bagi mendapatkan khidmat Syariah Consultancy, hubungi 6294-3665 atau e-mel: info@-syariahconsultancy.com.sg.